



Ahli Kumpulan UEM 

# Kenyataan Dasar Anti-Rasuah

Etika | Integriti | Kebertanggungjawaban

# Bersama  
Kami Patuh  
*Together We Comply*



Ahli Kumpulan UEM 

## KENYATAAN DASAR ANTI-RASUAH

*Cement Industries of Malaysia Berhad dan semua anak syarikatnya ("Kumpulan CIMA") amat komited dalam memastikan bahawa seluruh aspek operasi perniagaan kami berpaksi kepada prinsip kejujuran dan integriti. Kami sama sekali tidak bertolak-ansur terhadap sebarang bentuk rasuah.*

Kumpulan CIMA komited untuk:

- Mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan semua undang-undang, peraturan dan perintah yang berkaitan dengan langkah pembanterasan rasuah.
- Menuntut pematuhan sepenuhnya terhadap Dasar Anti-Rasuah ini oleh semua Ahli Lembaga Pengarah, kakitangan dan rakan perniagaan Kumpulan CIMA, bersandarkan kepada nilai teras syarikat iaitu "Integriti di Hati".
- Menyediakan rangka kerja yang kukuh bagi penetapan, penilaian berkala dan pencapaian objektif anti-rasuah, di samping komitmen untuk terus memperkasa sistem pengurusan anti-rasuah.
- Melindungi kebebasan fungsi pematuhan anti-rasuah melalui Unit Integriti dan Governans ("IGU"), yang telah diberikan kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk memantau segala hal berkaitan rasuah. IGU kekal melapor secara terus dan bebas kepada Jawatankuasa Audit dan Risiko Lembaga Pengarah Kumpulan CIMA.
- Memupuk budaya bebas daripada sebarang salah laku dan perlakuan tidak beretika dengan menyediakan saluran pelaporan yang selamat dan dilindungi buat pemberi maklumat melaporkan sebarang aduan. Sebarang bentuk tindakan balas dendam terhadap pemberi maklumat yang bertindak dengan niat suci hati adalah dilarang sama sekali dan bercanggah dengan prinsip yang terkandung dalam Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan CIMA.
- Melarang sebarang bentuk rasuah oleh Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan Kumpulan CIMA, serta pihak ketiga yang menjalankan tugas bagi pihak Kumpulan CIMA, termasuklah menawar, memberi, meminta atau menerima sebarang suapan.
- Mengekalkan hak untuk mengambil tindakan sewajarnya, berdasarkan kepada dasar, prosedur dan peruntukan undang-undang yang ada, terhadap mana-mana individu atau pihak yang cuai atau gagal mematuhi Dasar Anti-Rasuah ini.

**Dato' Zaiviji Ismail bin Abdullah**  
Pengerusi  
Cement Industries of Malaysia Berhad

1 Januari 2024